



**PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 8 TAHUN 1982**

**ELAUN DAN TAMBANG BAGI MENGHADIRI  
MESYUARAT-MESYUARAT MAJLIS BERSAMA  
KEBANGSAAN**

Pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan yang telah dilantik sebagai ahli-ahli Majlis Pihak Pekerja Majlis Bersama Kebangsaan tidak akan dianggap sebagai menjalankan tugas jawatan hakiki masing-masing apabila mereka dikehendaki menghadiri mesyuarat Majlis-majlis itu dan mesyuarat Majlis-majlis Bersama Kebangsaan. Walau bagaimanapun, untuk meringankan belanja ahli-ahli yang datang, maka mereka boleh dibayar Elaun Hidup dan Tambang seperti berikut:

(a) Jarak melebihi 33 km :

- (i) Elaun Hidup sebanyak \$55.00 sehari. Elaun ini adalah sebagai bantuan belanja makan dan lojng dan boleh dibayar hanya kepada ahli-ahli yang datang dari tempat tinggal biasa mereka yang melebihi daripada 33 km dikira daripada Pejabat Besar Pos, Kuala Lumpur;
- (ii) Tambang Perjalanan pergi dan balik mengikut pengangkutan awam tidak lebih daripada tambang keretapi kelas II bagi ahli-ahli yang datang dari tempat tinggal biasa mereka lebih daripada 33 km dikira daripada Pejabat Besar Pos, Kuala Lumpur.

(b) Jarak kurang dari 33 km :

Elaun Hidup diberi mengikut kadar \$27.50 iaitu 50% daripada \$55.00 yang dibayar kepada ahli-ahli Majlis Pihak Pekerja yang datang dari tempat tinggal biasa mereka yang terletak kurang daripada 33 km dikira daripada Pejabat Besar Pos, Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, mereka *tidak layak* dibayar Tambang Perjalanan.

(c) Ahli-ahli yang datang dari Negeri Sabah atau Negeri Sarawak layak diberi tambang kapalterbang kelas ekonomi pergi dan balik.

2. Elaun Hidup dan Tambang yang disebutkan di atas boleh dibayar hanya bagi menghadiri mesyuarat-mesyuarat berikut:

(a) Mesyuarat-mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan di peringkat kebangsaan, iaitu :

- (i) Majlis Bersama Kebangsaan bagi pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Awam Am selain daripada pekerja-pekerja Kumpulan Rendah dan Buruh Kasar;

- (ii) Majlis Bersama Kebangsaan bagi pekerja-pekerja dalam Perkhidmatan Pelajaran;
  - (iii) Majlis Bersama Kebangsaan bagi pekerja-pekerja dalam Badan-badan Berkanun;
  - (iv) Majlis Bersama Kebangsaan bagi pekerja-pekerja dalam Kuasa-kuasa Tempatan;
  - (v) Majlis Bersama Kebangsaan bagi pekerja-pekerja dalam Kumpulan Rendah dan Buruh Kasar Dalam Perkhidmatan Awam.
- (b) Mesyuarat-mesyuarat Majlis Pihak Pekerja yang diadakan sehari sebelum mesyuarat-mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan atau Jawatankuasa-jawatankuasanya seperti yang disebutkan di atas.
- (c) Mesyuarat/perjumpaan rasmi yang diarah oleh Y.A.B. Perdana Menteri untuk membincangkan perkara-perkara mengenai saraan dan syarat-syarat perkhidmatan pekerja-pekerja sektor awam.

3. Segala tuntutan bagi mendapatkan Elaun Hidup dan Tambang bagi menghadiri mesyuarat-mesyuarat di atas hendaklah dibuat atas baucer yang disahkan oleh Setiausaha Pihak Pekerja Majlis Bersama Kebangsaan masing-masing dan dibayar dari Peruntukan Jabatan Perkhidmatan Awam.

#### **Tarikh Kuatkuasa**

4. Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai daripada 1hb Januari, 1983.

#### **Pembatalan**

5. Pekeliling-pekelling Perkhidmatan Bil. 28 Tahun 1973, Bil. 23 Tahun 1974 dan Bil. 24 Tahun 1975 adalah dengan ini dibatalkan.

(TAN SRI OSMAN S. CASSIM)  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,  
MALAYSIA,  
KUALA LUMPUR.

20hb Disember, 1982.

---

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia,  
Tingkat 9-14 & 16 Bangunan UMBC, Jalan Sulaiman, Kuala Lumpur 01-33  
Telefon: 208144 Alamat Telegraf "Festoff Kuala Lumpur"